

13 AUG 1996

Singapura-Sejarah (Fokus Berita)

RAKYAT SINGAPURA MULA AMBIL BERAT SEJARAH SILAM

Oleh: Salbiah Said

SINGAPURA, 13 Ogos (Bernama) -- Selepas 31 tahun mencapai kemerdekaan dan kini di ambang menjadi sebuah negara maju, rakyat Singapura tiba-tiba saja mula mengambil berat mengenai masa lepas mereka.

Atau lebih tepat lagi, mereka mengambil berat mengenai kejahilan mereka tentang sejarahnya.

Timbalan Perdana Menteri Brig Jen (B) Lee Hsien Loong berkata terdapat jurang yang serius dalam pendidikan generasi muda rakyat Singapura dan usaha perlu dimulakan agar mereka peka kepada sejarah negara.

"Kami belum menyemai dalam diri mereka dari mana mereka datang dan ke arah mana mereka akan tuju," beliau memberitahu wartawan Malaysia yang melawat republik itu selama lima hari baru-baru ini.

Beliau diminta mengulas mengenai pendapat bapanya yang juga Menteri Kanan Lee Kuan Yew mengenai kemungkinan Singapura menyertai semula Malaysia. Pada Jun tahun ini, Lee Kuan Yew ketika menjawab satu soalan dalam pada jamuan malam Kelab Akhbar Singapura, menyebut tentang kemungkinan Singapura menyertai semula Malaysia tertakluk kepada syarat-syaratnya.

Antara syarat-syarat itu ialah Malaysia perlu menerima dasar meritokrasi seperti Singapura, tanpa memberi keistimewaan kepada kaum tertentu, manakala matlamat kejayaan Malaysia perlu sama dengan Singapura untuk memberi faedah yang maksimum kepada rakyat.

Kemungkinan ini, kata Menteri Kanan itu, sekiranya menjadi kenyataan, akan mengambil masa yang lama. Lee, 72, menjadi Perdana Menteri Singapura dari tahun 1959 hingga 1990. Singapura menjadi sebahagian daripada Malaysia pada 1963 bersama Sabah dan Sarawak tetapi keluar pada 1965.

Brig Jen Lee berkata: "Ianya pendapat seorang menteri kanan untuk mencetus pembangunan ekonomi. Kemungkinan itu memang ada. Beliau sekadar menzahirkan apa yang difikirkannya.

"Bukan tidak baik untuk mengingatkan rakyat Singapura mengenai realiti yang menghimpit Singapura -- bagaimana Singapura maju. Apakah kejayaan itu, bagaimana ianya didapati, dan bagaimana ianya boleh jadi. Generasi sekarang tidak merasai apa yang dilalui oleh generasi lama."

Secara sengaja atau tidak, satu drama untuk tontonan awam yang diadakan sempena dengan perayaan hari kebangsaan republik itu bertema "My Singapore My Home" (SingapuraKu Tanah AirKu) di sebuah stadium di sini tidak menceritakan episod penting dalam sejarah mengenai Singapura yang pernah menjadi sebahagian daripada Malaysia.

BG Lee, yang ditanya mengenai ini oleh seorang wartawan Malaysia, berkata beliau tidak terlibat dengan penulisan skrip drama itu dan beliau hanya turut hadir di stadium pada malam itu. Beliau bersetuju yang sepatutnya episod itu dimasukkan dalam drama itu.

Skrip drama itu, yang ditulis oleh Prof Edwin Thumboo dari Universiti Singapura, mengesan kisah awal masyarakat Singapura yang terdiri daripada pendatang sehingga ke usaha untuk mencari identiti kebangsaan kebelakangan ini.

Pemikiran Menteri Kanan Lee itu itu telah mencetuskan reaksi mendadak di Malaysia tetapi reaksi di Singapura "agak senyap".

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menolak kemungkinan Singapura menyertai semula Malaysia satu masa nanti, dan menurutnya, pendapat Lee Kuan Yew itu mungkin menjadi kenyataan apabila semua kaum di Malaysia berjaya mewujudkan keyakinan diri dan keupayaan untuk bersaing.

Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong, yang mengambil alih daripada Lee Kuan Yew pada 1990, baru-baru ini dipetik sebagai berkata bahawa penyatuan semula itu tidak ada dalam agendanya. "Agenda politik saya mengenai Malaysia ialah untuk mencari jalan bagi kita bekerjasama membantu antara satu sama lain untuk mencapai status ekonomi maju," katanya.

Dalam perutusannya bagi Hari Kebangsaan, Goh berkata: "Selepas 31 tahun, yang lebih penting daripada kejayaan ekonomi kita dan penghidupan kita yang lebih baik, ialah bermulanya proses mencari identiti dan kenegaraan rakyat Singapura."

Pada umumnya, pemimpin-pemimpin Singapura mengakui yang mereka gagal mengadakan usaha untuk mengingatkan rakyat Singapura mengenai masa silam mereka kerana ramai yang berpendapat bahawa detik-detik sedih menyebabkan Singapura keluar dari Malaysia lebih baik dilupakan saja.

Menurut mereka kerajaan mengambil iktibar daripada kejadian rusuhan pada tahun 1964 dan apabila tercetusnya rusuhan kaum di Malaysia pada tahun 1969, Singapura tidak mendapat kesan yang serius.

Mengikut sejarah, Tunku Abdul Rahman Putra pada 27 Mei 1961 mencadangkan mengenai kerjasama rapat dalam politik dan ekonomi antara Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Borneo Utara (kemudian Sabah) dan Brunei dalam bentuk gabungan.

Syarat-syarat utama dalam gabungan itu yang dipersetujui oleh beliau dan Lee Kuan Yew, ialah mengadakan kerajaan pusat yang bertanggungjawab bagi pertahanan, hal ehwal luar dan keselamatan dalam negeri, tetapi perkara-perkara mengenai pendidikan dan buruh diserahkan kepada autonomi tempatan.

Satu pungutan suara mengenai syarat-syarat gabungan itu yang dijalankan di Singapura pada 1 Sept 1962 menyokong Parti Tindakan Rakyat (PAP) Lee meneruskan hasrat menyertai gabungan itu.

Malaysia ditubuhkan pada 16 Sept, 1963, dan mengandungi Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Borneo Utara. Brunei membuat keputusan tidak menyertai. Indonesia dan Filipina menentang gabungan itu. Presiden Sukarno berusaha keras menentangnya dengan konfrontasi selama tiga tahun.

Gabungan dengan Singapura tidak tahan lama. Singapura berpisah dari Malaysia pada 19 Ogos, 1964, dan menjadi sebuah negara yang berdaulat, demokratik dan merdeka.

Singapura diterima masuk dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada 21 Sept, 1965 dan menjadi anggota Komanwel pada 15 Okt, 1965.

Pada 22 Dis, 1965, Singapura menjadi negara republik dengan Yusof Ishak sebagai Presidennya yang pertama. -- BERNAMA

SS CTL WAT MAI